

Nilai dagangan Jun RM270.39b

Malaysia catat rekod tertinggi baharu, meningkat 43.4 peratus

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Perdagangan Malaysia mengekalkan prestasi memberangsangkan pada Jun 2022, apabila mencatat rekod nilai tertinggi masing-masing bagi perdagangan, eksport dan import.

Perdagangan meningkat 43.4 peratus kepada RM270.39 bilion berbanding Jun 2021, pertumbuhan dua angka yang ke-17 bulan berturut-turut.

Sementara itu, eksport merekodkan pertumbuhan dua angka 11 bulan berturut-turut, mencatatkan kenaikan sebanyak 38.8 peratus kepada RM146.16 bilion.

Import pula berkembang 49.3 peratus kepada RM124.23 bilion manakala lebih dagangan susut secara marginal sebanyak 0.8 peratus kepada RM21.93 bilion.

Menteri Kanan Perdagangan

Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, berkata pertumbuhan eksport disumbangkan permintaan kukuh bagi barangan elektrik dan elektronik (E&E), keluaran petroleum, gas asli cecair (LNG) serta minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit.

Beliau berkata, eksport ke rakan dagang utama khususnya ASEAN, Amerika Syarikat (AS), Kesatuan Eropah (EU) dan Jepun merekodkan pertumbuhan dua angka.

Katanya, nilai eksport bulanan tertinggi dicatatkan ke ASEAN, AS dan EU.

"Berdasarkan perbandingan bulan ke bulan, perdagangan, eksport, import dan lebih dagangan masing-masing berkembang sebanyak 18.4 peratus, 21.3 peratus, 15.2 peratus dan 72.7 peratus," katanya dalam satu kenyataan.

Mohamed Azmin berkata, perdagangan bagi suku kedua 2022 berkembang sebanyak 32.7 peratus kepada RM730.36 bilion, berbanding suku kedua 2021.

Beliau berkata, eksport bertambah 30 peratus kepada RM394.24 bilion dan import meningkat 36.1 peratus kepada RM336.13 bilion.

"Ini nilai suku tahunan yang tertinggi bagi perdagangan, eksport dan import. Lebih dagangan naik 3.2 peratus kepada RM58.11 bilion," katanya.

Eksport meningkat

Beliau berkata, berbanding suku pertama 2022 pula, nilai perdagangan, eksport dan import masing-masing meningkat 16.9 peratus, 14.3 peratus dan 20.1 peratus, manakala lebih dagangan menurun 10.6 peratus.

Katanya, pada separuh pertama 2022, perdagangan naik 28.2 peratus kepada RM1.355 trilion berbanding tempoh yang sama tahun lalu.

"Eksport meningkat 26.1 peratus kepada RM739.13 bilion dan import berkembang 30.9 peratus

kepada RM616.00 bilion.

"Lebih dagangan bertambah 6.7 peratus kepada RM123.13 bilion. Ini nilai separuh tahun yang tertinggi direkodkan bagi perdagangan, eksport, import dan lebih dagangan," katanya.

Pada Jun 2022, eksport bagi ketiga-tiga sektor merekodkan pertumbuhan kukuh dua angka berbanding bulan sama tahun lalu.

Eksport barangan perkilangan mencecah nilai tertinggi sebanyak RM122.07 bilion atau 83.5 peratus daripada jumlah eksport, meningkat 33.8 peratus tahun ke tahun dan menjadi pertumbuhan dua angka 11 bulan berturut-turut.

Eksport yang meningkat melebihi RM1 bilion telah direkodkan bagi barangan E&E, keluaran petroleum, jentera, kelengkapan dan

peralatan, barangan perkilangan logam serta barangan optik dan saintifik.

Eksport keluaran pertanian naik 46.8 peratus tahun ke tahun kepada RM12.93 bilion, nilai bulanan tertinggi setakat ini.

Peningkatan ini dipacu terutama oleh kenaikan eksport minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit.

Eksport hasil galian pula melonjak 116.3 peratus tahun ke tahun kepada RM10.53 bilion disumbangkan oleh pertambahan eksport LNG dan petroleum mentah.

Sementara itu, Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata eksport Malaysia mengekalkan pertumbuhan positif 38.8 peratus pada Jun 2022.

Beliau berkata, pertumbuhan eksport pada Jun 2022, dirangsang prestasi memberangsangkan eksport domestik dan eksport semula.

"Eksport domestik bernilai RM110.6 bilion, menyumbang 75.7 peratus kepada jumlah eksport Malaysia, berkembang kukuh 30.6 peratus, tahun ke tahun," katanya menerusi satu kenyataan dalam Buletin Perangkaan Perdagangan Luar Negeri Malaysia, Jun 2022.

Berdasarkan perbandingan bulan ke bulan, perdagangan, eksport, import dan lebih dagangan masing-masing berkembang 18.4 peratus, 21.3 peratus, 15.2 peratus dan 72.7 peratus



Mohamed Azmin Ali, Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri